

Hari Keputeraan KDYMM Sultan Pahang

29 Zulhijjah 1443H/29 Julai 2022M

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Kita berada di ambang tahun baharu hijrah 1444. Pada hari yang sama kita rakyat di negeri Pahang menyambut hari keputeraan Sultan Pahang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah

Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibnu Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Semoga dua peristiwa yang bersejarah ini akan memberi keberkatan dan kesejahteraan kepada kita semua rakyat di Negeri Pahang. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Nisa ayat 59:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Yang bermaksud : *“Wahai orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah, dan taatlah kamu kepada Rasul serta (taatlah kepada) ulil amri (raja pemerintah) dari kalangan kamu.”*

Marilah kita semua mendoakan kepada Tuanku Sultan kita agar Allah SWT memberikan hidayah, kepintaran, kesejahteraan dan kebaikan kepada Baginda dalam memimpin Malaysia dan Negeri Pahang.

Imam Nawawi berkata: Mendoakan kepada para pemimpin untuk kebaikan serta mereka sentiasa mendapat hidayah supaya dapat memerintah dengan adil adalah perkara yang amat digalakkan.

Begitu juga **Imam al-Baihaqi** berkata:

“Nasihatilah kepada para pemimpin serta memperbanyakkan berdoa kepada mereka supaya mereka

melakukan kebaikan dan beramal soleh serta berlaku adil ketika memutuskan hukuman. Maka, apabila mereka baik, maka akan baiklah rakyatnya. Berhati-hatilah kamu, jangan sampai mendoakan keburukkan atau melaknat mereka, kerana yang demikian itu akan menambahkan keburukkan ke atas umat Islam. Maka mohonlah keampunan kepada Allah untuk para pemimpin semoga mereka meninggalkan perbuatan yang buruk, semoga dengannya akan dihindarkan musibah kepada umat Islam”.

Tidaklah menjadi kesalahan kepada kita mendoakan mereka dalam khutbah kita serta mengaminkannya. Kita juga selaku rakyat hendaklah sentiasa menghormati para pemimpin di semua peringkat. **Imam al-Qurthubi** rahimahullah berkata dalam tafsirnya:

“Manusia sentiasa dalam kebaikan selama mana mereka menghormati sultan (pemimpin) dan para ulama. Maka sekiranya mereka menghormati keduanya ini, Allah akan memberikan kebaikan kepada kehidupan dunia dan akhirat mereka. Dan sekiranya mereka menghina pemimpin dan ulama, maka Allah akan merosakkan kehidupan dunia dan akhirat mereka.”

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memerintahkan supaya kita menghormati dan memuliakan pemimpin sebagaimana sabdanya yang diriwayatkan oleh **Imam al-Baihaqi**:

السُّلْطَانُ ظِلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ، فَمَنْ أَكْرَمَهُ أَكْرَمَهُ اللَّهُ، وَمَنْ
أَهَانَهُ أَهَانَهُ اللَّهُ

Yang bermaksud: *“Sultan itu adalah bayangan Allah di bumi, sesiapa yang memuliakannya, nescaya Allah akan memuliakannya dan sesiapa yang menghinaanya, maka Allah akan menghinaakannya.”*

Marilah kita bersama-sama mendoakan Ke bawah Duli Tuanku Sultan Pahang sentiasa berada dalam pemeliharaan Allah Subhanahu wa Ta’ala serta di dampingi oleh para ulama yang menasihati kebaikan dan semoga mendapat keredaan Allah Subhanahu wa Ta’ala.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta’ala,

Sempena kedatangan awal Muharam pula, kita dituntut supaya berhijrah daripada baik kepada yang lebih baik dalam kehidupan kita seharian. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari yang bermaksud:

“Orang yang berhijrah itu adalah orang yang meninggalkan daripada melakukan apa yang ditegah oleh Allah.”

Marilah kita melakukan perubahan ke arah kebaikan dalam semua aspek kehidupan bermula daripada ibadat yang semakin

bertambah baik, hubungan keluarga yang harmoni serta sumbangan yang bersungguh-sungguh dalam membina masyarakat Islam yang bersatu padu, kuat dan berjaya. Berazamlah untuk meninggalkan semua sifat yang buruk dan amalan yang sia-sia agar kehidupan kita semua diredai Allah Subhanahu wa Ta'ala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ
وَأَنْفُسِهِمْ أَكْثَرُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٤٠﴾

Yang bermaksud: “(Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang Haji dan orang yang memakmurkan masjid sahaja); dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،

وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.